

Prakata



Dr Mohamad Maliki Bin Osman

Menteri di Pejabat Perdana Menteri,
dan Menteri Kedua Pendidikan
dan Hal Ehwal Luar, dan Pengerusi,
Jawatankuasa Pembelajaran dan
Penggalakan Penggunaan Bahasa
Melayu (MLLPC)

Jauh perjalanan, luas pemandangan. Buku merupakan jendela dunia. Kanak-kanak yang banyak membaca mampu membuka jendela itu agar dapat mengamati dunia dengan lensa yang luas. Ibu bapa, guru-guru dan masyarakat memainkan peranan penting dalam usaha menerapkan amalan dan budaya membaca serta membina kemahiran literasi awal kanak-kanak dari peringkat prasekolah.

Idea menghasilkan Siri Nabil dan Nabilah untuk murid sekolah rendah mula tercetus pada tahun 2015 oleh Jawatankuasa Pembelajaran dan Penggalakan Penggunaan Bahasa Melayu (MLLPC). Kini, siri bacaan ini dibawa pula ke peringkat prasekolah. Siri Nabil dan Nabilah peringkat prasekolah ini menyajikan bahan bacaan menarik yang mencakupi pelbagai tema seperti pengorbanan, persahabatan dan hubungan kekeluargaan. Teranyam dalam cerita-cerita ini ialah aspek budaya, nilai dan imaginasi.

Saya akur akan peranan teknologi dalam kehidupan kita kini dan pengaruhnya terhadap kanak-kanak. Teknologi telah membuka ruang dan peluang untuk menyemarakkan lagi pembelajaran kanak-kanak. MLLPC telah berusaha untuk menerbitkan siri bacaan ini dalam bentuk cetakan serta bentuk digital yang boleh didapatkan di laman web rasmi MLLPC. Bahan bacaan digital tersebut boleh dimuat turun ataupun diakses pada bila-bila masa sahaja. Selain itu, MLLPC juga menyediakan aktiviti-aktiviti susulan yang boleh dilakukan oleh kanak-kanak bersama ibu bapa mereka. Aktiviti bersama keluarga ini dapat memupuk sikap positif dan berpotensi untuk menanamkan nilai yang baik.

Siri Nabil dan Nabilah yang terbaharu ini tidak akan dapat dihasilkan tanpa usaha dan sumbangan guru-guru prasekolah. Mereka dengan hati terbuka menyahut cabaran untuk melibatkan diri dalam proses penulisan siri bacaan ini. Saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada para guru yang terlibat. Dengan terhasilnya karya kanak-kanak ini, saya pasti hasil penulisan kreatif untuk kanak-kanak dengan berlatarkan konteks tempatan akan dapat diperkaya. Semoga guru-guru prasekolah terus maju dalam meningkatkan usaha untuk melestarikan bahasa Melayu.

*Mekar sejambak bunga kejora,
Gugur sekuntum di tepi paya;
Marilah sahut seruan negara,
Bangsa membaca bangsa berjaya.*

PENGHARGAAN

Penulis

Norhaizahwati Mohd Said
Sa'adah Md Radzali
Srinati Misni
Nursyafiqah Mohamad Ramlee
Fadhilah Omar
Hartiny Hamid
Nur Hafizah Mohamed Eddie
Nurul Ubaidah Jamil
Kamilah Kamis
Nur Izziana Kamaruddin

Penasihat Projek

Salbiah Abas

Sekretariat MLLPC

Noor Azimah Mohd Haad
Nur Izziana Kamaruddin
Dewi Mohamed

Judul

Gagak dengan Merak
Cuba Lagi
Pokok Istimewa
Bersiap untuk Hari Raya
Hang Nadim
Pukul Berapa Datuk Harimau
Yang Mana Satu
Kawan Tersayang
Kucing yang Bijak
Jaga Diri

Editor

Haslindah Mispan

Hariyati Hairom
Nuraishah Mohd Isa

Kucing yang Bijak





Terima kasih,
Cikgu!

Sama-sama.
Jumpa esok!



Ibu, boleh
kami bermain
di taman
permainan?

Boleh. Jangan
lama-lama!

Nabil dan Nabilah terdengar
suatu bunyi.



Bunyi apa itu?

Meow...
Meow



Meow...
Meow

Nabil dan Nabilah ternampak seekor kucing
yang luka.



Ibu, boleh kami membawa kucing ini pulang?

Ibu bersetuju.

Di rumah, Nabil dan Nabilah menunjukkan kucing yang luka itu kepada Ayah.



Kasihlah kucing ini. Mari Ayah bersihkan lukanya.

Ayah teringat kisah seekor kucing yang bijak.



Nabil dan Nabilah
mahu mendengar kisah
'Kucing yang Bijak'?



Kucing tinggal bersama arnab. Mereka
berkawan baik.



Pada suatu hari, mereka sedang
mencari makanan.

Tiba-tiba, datang serigala. Serigala lapar
dan sedang memburu binatang.



Serigala ternampak Kucing dan Arnab
lalu menerkam mereka.



Berhenti! Jangan makan kami! Kami tahu binatang yang lebih besar. Mari ikut kami!

Besar?
Di mana?



Serigala, tutuplah mata. Kami ada kejutan untuk kamu.

Baiklah!

Sekarang, saya akan mengikat kaki awak.

Kucing dan Arnab berjaya menyelamatkan diri mereka.



Tolong lepaskan saya!